

28 AUG 1998

NAM-G-8

NEGARA-NEGARA G-8 DIJEMPUT HADIRI SIDANG KEMUNCAK NAM

Oleh: E Sivabalan

DURBAN, 28 Ogos (Bernama) -- Amerika syarikat dan lain-lain anggota Kumpulan Lapan (G-8) telah dijemput untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12 di sini minggu depan untuk mendengar sendiri kedudukan negara-negara membangun dalam isu-isu global.

Menurut pengarah Jabatan Luar Afrika Selatan, Jackie Selebi, Pretoria, sebagai tuan rumah sidang kemuncak itu, mempunyai hak untuk menjemput negara-negara G-8 yang juga termasuk Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun dan Rusia.

Sumber-sumber berkata terdapat bantahan terhadap cadangan menjemput kuasa-kuasa barat menghadiri sidang kemuncak itu. Cuba dikatakan membantah cadangan menerima AS sebagai negara tetamu NAM, yang sekarang mempunyai 27 negara tetamu.

Ketika memberi taklimat mengenai sidang kemuncak itu di Pusat Pameran Durban di sini, Selebi berkata kehadiran negara-negara G-8 akan memastikan "mesej akan diterima".

"Adalah lebih baik mereka berada di sini untuk mendengar apa yang kita (negara-negara membangun) akan memperkatakan," katanya.

Bagaimanapun, Selebi yang juga setiausaha sidang kemuncak itu, tidak menyebut sama ada negara-negara G-8 telah mengesahkan kehadiran mereka di sidang kemuncak itu yang akan berlangsung dari 29 Ogos hingga 3 Sept ini.

Selebi juga berkata Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan yang akan hadir pada sidang kemuncak itu telah meminta untuk mengadakan mesyuarat dengan anggota-anggota Komuniti Pembangunan Afrika Selatan (SADC) untuk membincangkan serangan roket AS ke atas apa yang mereka katakan sebagai pangkalan penganas di Sudan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar Afrika Selatan, Aziz Pahad, berkata Presiden Cuba, Fidel Castro dan Presiden Palestin Yasser Arafat adalah antara 53 ketua negara yang telah mengesahkan kehadiran mereka ke sidang kemuncak itu.

Yang lain termasuk Jerry Rawlings (Ghana), A.B.Vajpayee (India), Mohamad Nawab Sharif (Pakistan), Alberto Fujimori (Peru), Chandrika Kumaratunga (Sri Lanka) and Robert Mugabe (Zimbabwe)

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah mengesahkan penyertaannya.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Presiden B.J.Habibie dari Indonesia adalah antara mereka yang akan diwakili oleh menteri luar masing-masing.

NAM, yang ditubuhkan dengan rasmi pada Sidang Kemuncak Belgrade pada tahun 1961, sekarang mempunyai 113 anggota. Belarus dijangka menjadi anggota ke-114 pergerakan itu pada Sidang Kemuncak Durban.

Ia mengadakan sidang kemuncaknya tiga tahun sekali dan yang baru lepasnyalah di Cartagena, Colombia pada tahun 1995.

Aziz berkata 93 dari 113 negara anggota telah mendaftar secara rasmi untuk menyertai sidang kemuncak itu.

Beliau berkata kira-kira 2,000 hingga 3,000 perwakilan akan menghadiri sidang kemuncak itu sementara 500 anggota media tempatan dan antarabangsa akan membuat liputan.

Sidang kemuncak itu akan dikendalikan oleh tenaga kerja seramai 2,500 orang termasuk 1,200 anggota keselamatan.

Sebanyak 476 kereta BMW akan digunakan untuk mengangkut para peserta ke Pusat Persidangan Anytarabangsa di sini di mana sidang kemuncak itu akan

berlangsung.

Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, akan menjadi pengurus NAM manakala isu-isu yang akan dibincangkan termasuk impak globalisasi, liberalisasi perdagangan, pelucutan senjata nuklear dan kerjasama Selatan-Selatan.

Pegawai-pegawai kanan NAM akan mengadakan mesyuarat mereka untuk selama dua hari mulai esok diikuti dengan mesyuarat para menteri luar pada hari Isnin dan Selasa manakala para ketua negara akan memulakan perbincangan mereka pada hari Rabu untuk selama dua hari.

--BERNAMA

ES WAT